



SOALAN LAZIM (FAQ) – CUKAI JUALAN 2018

1. Apakah itu cukai jualan?

Cukai jualan adalah cukai seperingkat yang dikenakan dan dilevi:

- ke atas barang bercukai yang dikilangkan di Malaysia oleh orang bercukai dan dijual olehnya (termasuk pelupusan dan kegunaan sendiri); dan
- ke atas pengimportan barang bercukai ke Malaysia

2. Apakah barang yang tertakluk kepada cukai jualan?

Barang yang tertakluk kepada cukai jualan adalah barang yang TIDAK disenaraikan di dalam Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Barang Dari Cukai Jualan) yang dicadangkan.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan pengilangan?

Pengilangan bermaksud:

- Perubahan bahan dengan cara manual atau mekanikal ke atas suatu produk kepada suatu produk baru dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan tersebut dan termasuk pemasangan bahagian-bahagian ke dalam satu jentera atau produk lain. Walau bagaimanapun, pengilangan tidak termasuk pemasangan mesin atau peralatan untuk tujuan pembinaan.
- Berkaitan dengan petroleum, apa-apa proses pengasingan pembersihan, penukaran, penapisan dan pengadunan.


4. Siapakah orang bercukai?

Orang bercukai adalah orang yang mengilang barang bercukai dan nilai jualan tahunan melebihi nilai ambang RM 500,000.00 dan bertanggung untuk berdaftar. Orang itu dikehendaki untuk berdaftar melalui sistem MySST.

5. Apakah kadar bagi mengenakan cukai jualan?

Cadangan kadar cukai jualan adalah 5%, 10% atau kadar tertentu.

6. Bagaimana saya tahu bahawa saya perlu berdaftar di bawah cukai jualan?



7. Bagaimanakah cukai jualan dikenakan?

Cukai jualan dikenakan diperingkat pengilang dan diterangkan seperti rajah berikut:



8. Apakah tanggungjawab orang bercukai?

Orang bercukai dikehendaki untuk:

- i. berdaftar di bawah cukai jualan,
- ii. mengeluarkan invois
- iii. mengenakan cukai jualan ke atas jualan,
- iv. mengakaunkan cukai dengan mengemukakan penyata setiap dua bulan kepada JKDM
- v. menyimpan rekod yang berkaitan

PENDAFTARAN DI BAWAH CUKAI JUALAN

9. Bagaimana saya boleh berdaftar di bawah cukai jualan?

Pendaftaran boleh dibuat atas talian melalui sistem MySST(sila buat carian pautan pantas di portal JKDM). Orang yang telah didaftarkan akan menerima pemakluman kelulusan pendaftaran melalui sistem MySST. Sekiranya anda tidak menerima sebarang pemakluman sedemikian, anda dikehendaki mengemukakan permohonan secara individu atas talian melalui sistem MySST.

10. Bagaimana saya tahu saya akan didaftarkan?

Anda akan dimaklumkan melalui email. Orang berdaftar CBP yang bertanggung untuk berdaftar di bawah cukai jualan, pendaftaran di bawah cukai jualan akan didaftarkan secara automatik oleh JKDM dan pengilang berdaftar akan dimaklumkan pendaftarannya secara bertulis.

11. Saya merupakan orang berdaftar di bawah CBP. Adakah saya akan menerima pemakluman pendaftaran cukai jualan melalui system Taxpayer Access Point(TAP)? Tidak, anda akan menerima pemakluman melalui email peribadi atau perniagaan bermula 1 Ogos 2018.

12. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk meluluskan permohonan pendaftaran saya sekiranya saya membuat permohonan secara individu?

Kelulusan pendaftaran anda akan dikeluarkan dalam tempoh 24 jam bagi orang berdaftar CBP. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan anda pengesahan tertentu maka ia akan mengambil masa yang lebih panjang.

13. Bolehkan penyata cukai jualan saya dihantar mengikut tahun kewangan syarikat saya?

Anda dikehendaki membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Pengarah Kastam untuk mendapatkan kelulusan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

14. Bolehkah saya berdaftar di bawah cukai jualan secara sukarela?
Pendaftaran secara sukarela dibenarkan sekiranya anda mengilang barang-barang bercukai.
15. Bolehkah saya mendaftar cawangan-cawangan saya di bawah cukai jualan secara berasingan?
Pendaftaran cawangan secara berasingan tidak dibenarkan.
16. Adakah terdapat kemudahan pendaftaran secara berkumpulan?
Pendaftaran secara berkumpulan tidak dibenarkan.
17. Saya adalah orang berdaftar CBP. Perluakah saya memohon pembatalan CBP saya? Apabila Akta CBP 2014 dimansuhkan, anda secara automatik dianggap berhenti daripada menjadi orang berdaftar CBP. Anda tidak perlu untuk memohon pembatalan pendaftaran CBP. Walau bagaimanapun, anda dikehendaki menghantar penyata terakhir dalam tempoh 120 hari daripada tarikh Akta tersebut dimansuhkan.

INVOIS, PENYATA DAN PEMBAYARAN

18. Apakah syarat untuk mengeluarkan invois?
Pengilang berdaftar yang menjual barang bercukai dikehendaki untuk mengeluarkan invois. Invois hendaklah di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan mengandungi butiran yang ditetapkan, sama ada dalam bentuk *hard copy* atau elektronik.
19. Bagaimanakah saya mengakaunkan nota kredit atau nota debit?
Anda dibenarkan membuat pelarasan ke atas penyata cukai jualan pada masa nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan.
20. Apakah asas perakaunan bagi cukai jualan?
Cukai jualan perlu diakaunkan berdasarkan asas perakaunan akruan.
21. Apakah prosedur untuk mengemukakan penyata cukai jualan?
 - Pengilang berdaftar hendaklah mengemukakan penyata cukai jualan (SST-01) setiap dua bulan mengikut tempoh bercukai. Anda boleh memohon kepada Ketua Pengarah Kastam untuk tempoh bercukai tertentu, contohnya selaras dengan tahun kewangan berakhir anda.
 - Penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya selepas tempoh bercukai berakhir.
 - Penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai yang perlu dibayar atau tidak.
 - Penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan secara elektronik atau melalui pos ke Pusat Pemprosesan SST.
22. Apakah kaedah pembayaran cukai jualan?
Cukai jualan boleh dibayar secara:

- a. Elektronik; atau
- b. Melalui cek, deraf bank dan diposkan ke Pusat Pemprosesan SST.

23. Adakah penalti dikenakan ke atas pembayaran lewat?

Cukai jualan yang lewat dibayar dikenakan penalti seperti berikut:

- 10% - bagi tempoh 30 hari pertama
- 15% - bagi tempoh 30 hari kedua
- 15% - bagi tempoh 30 hari berikutnya

Penalti maksimum adalah 40% selepas 90 hari.

24. Berapa lamakah sesuatu rekod perlu disimpan?

Rekod hendaklah disimpan bagi tempoh 7 tahun daripada tarikh terakhir yang berhubungan dengan rekod itu. Rekod hendaklah:

- i. dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- ii. di Malaysia, kecuali diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk disimpan di luar Malaysia
- iii. dalam bentuk *hard copy* atau *soft copy*

25. Adakah terdapat pelepasan untuk hutang lapuk?

Anda boleh memohon pelepasan hutang lapuk:

- i. dalam tempoh 6 tahun daripada tarikh barang bercukai dijual
- ii. tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam
- iii. berdasarkan formula yang ditetapkan.

26. Adakah terdapat pengecualian atau kemudahan di bawah cukai jualan?

Peruntukan pengecualian adalah seperti berikut:

A. Pengecualian barang dan orang:

- Barang— Cadangan Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan) 2018.
- Contoh, haiwan hidup, makanan yang tidak diproses, sayur-sayuran, ubat-ubatan, jentera, bahan-bahan kimia dan sebagainya. (Cadangan Senarai Barang-Barang yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan)
- Orang – Cadangan Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan Daripada Cukai Jualan) 2018.
 - *Jadual A: class of person, e.g. Ruler of States, Federal or State Government Department, Local Authority, Inland Clearance Depot, Duty Free Shop*
 - *Jadual B: Manufacturer of specific non taxable goods – exemption of tax on the acquisition of raw materials, components, packaging to be used in manufacturing activities*
 - *Jadual C: Registered Manufacturer – exemption of tax on the acquisition of raw materials, components, packaging to be used in manufacturing of taxable goods (replacing CJ5, CJ5A, CJ5B)*

B. Pengecualian daripada Pendaftaran:

- aktiviti pengilangan yang dikecualikan daripada pendaftaran tanpa mengira nilai jualan.
 - Contoh, tukang jahit, pembuat barang kemas, pakar optik, pengukir, *vanishing table top*

C. Layanan Khas Ke Atas Kawasan Tertentu

1. Kawasan ditetapkan:

Designated Area (not deemed outside Malaysia)	Labuan, Langkawi and Tioman
Manufacturing activities in DA	Proposed Sales Tax Act does not apply to DA except for petroleum
Importation into DA (world to DA)	Exemption from Sales Tax except: <ul style="list-style-type: none"> - Langkawi: Importation of marble, petroleum and anchovies - Tioman: Importation of petroleum and motor vehicles - Labuan: Importation of petroleum
Removal of Goods	<ul style="list-style-type: none"> - From PCA to DA – deemed export, no sales tax - From DA to PCA – deemed import, subject to sales tax - To/from DA to DA – no sales tax - To/from DA to SA* – no sales tax

2. Kawasan Khas:

Special Area (not deemed outside Malaysia)	Free Zone, Licensed Warehouse, Licensed Manufacturing Warehouse and Joint Development Area (JDA)
Manufacturing activities in SA	Proposed Sales Tax Act does not apply to SA
Importation into SA (world to SA)	Generally not subject to Sales Tax except for goods in the free zone which may be subjected to Sales Tax provided in the Proposed Special Area Order
Removal of Goods	<ul style="list-style-type: none"> - From PCA to SA – deemed export, no sales tax - From SA to PCA – deemed import, subject to sales tax - To/from SA to SA – no sales tax - To/from SA to DA – no sales tax

ISU PERALIHAN

27. Apakah tempoh yang dibenarkan untuk membuat tuntutan cukai input selepas SST dilaksanakan?
Tempoh yang dibenarkan adalah 120 hari daripada tarikh kuatkuasa SST.
28. Adakah orang berdaftar CBP perlu mengakaunkan CBP bagi stok dalam tangan pada tarikh kuatkuasa SST?
Orang berdaftar CBP hendaklah mengakaunkan CBP atas kadar 0% dan pengikraran cukai output hendaklah dibuat dalam penyata GST-03 yang terakhir.

29. Adakah peruntukan berkaitan skim khas di bawah CBP seperti ATS, ATMS, margin scheme, dsb. terpakai di bawah rejim SST?
Skim CBP tersebut tidak terpakai di bawah SST.
30. Barang dipindahkan dan invoice dikeluarkan kepada pembeli pada 28 Ogos 2018. Walau bagaimanapun bayaran ke atas barang tersebut hanya dibuat pada 6 September 2018. Apakah layanan CBP ke atasnya?
CBP hendaklah dikenakan atas kadar standard 0% ke atas nilai barang yang telah dipindahkan.
31. Bayaran penuh diterima pada 22 Ogos 2018 untuk pemindahan barang dibuat pada 8 September 2018. Apakah layanan cukai ke atasnya?
Cukai jualan dikenakan ke atas nilai jualan barang mengikut kadar yang ditetapkan.
32. Apakah layanan CBP ke atas stok dalam tangan yang mana cukai input ke atasnya tidak dituntut oleh orang berdaftar CBP yang kemudiannya telah berdaftar di bawah SST?
Pengilang berdaftar adalah dibenarkan untuk menuntut cukai input bagi stok dalam tangan pada penyata terakhir GST-03.
33. Kerja-kerja subkontrak bermula dari 15 Ogos 2018 sehingga 15 Oktober 2018. Sebahagian daripada kerja subkontrak telah dilaksanakan sebelum 1 September 2018 dan sebahagiannya disiapkan selepas tarikh tersebut. Apakah layanan cukai ke atas kerja subkontrak tersebut?
CBP dikenakan pada kadar standard 0% untuk kerja-kerja yang dilaksanakan sebelum 1 September 2018. Bagi baki kerja yang dilaksanakan dan disiapkan pada 15 Oktober 2018, cukai jualan dikenakan ke atas nilai kerja subkontrak mengikut kadar yang ditetapkan.
34. Apakah layanan cukai ke atas pengimportan *Big Ticket Items* bagi aktiviti petroleum *upstream*?
Di bawah CBP, *Big Ticket Items* adalah tersenarai di bawah Senarai Pengecualian Utama petroleum *upstream* (MEL). Di bawah SST, pengendali petroleum *upstream* yang mengimport *Big Ticket Items* diberi pengecualian cukai jualan di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang yang Diberi Pengecualian Cukai Jualan) 2018.

LAIN-LAIN

Penjualan Barang-Barang Bercukai

35. Apakah layanan cukai jualan ke atas barang yang dipindahkan selepas 1 September 2018 dan bayaran telah diterima atau invoice telah dikeluarkan semasa kadar cukai CBP 0%?
Anda hendaklah mengakaunkan cukai jualan ke atas invoice yang telah dikeluarkan kepada pelanggan. Dalam keadaan tersebut, anda dibenarkan mengeluarkan suatu:
- nota kredit untuk membatalkan invoice tersebut dan seterusnya mengeluarkan satu invoice yang baru dan mengenakan cukai jualan; atau
 - nota debit yang mana tertera cukai jualan.

Audit

36. Adakah JKDM akan meneruskan pengauditan CBP setelah SST berkuatkuasa bermula 1 September 2018?

Pengauditan untuk tujuan penutupan kes akan diteruskan ke atas orang berdaftar CBP.